

Sifat Orang Munafik

Daripada Abdullah bin Amru bin al-As R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُتَافِقًا خَالِصًا، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ
خَصْلَةٌ مِنَ النِّفَاقِ حَتَّى يَدَعَهَا: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا عَاهَدَ
غَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ.

Maksudnya: “Ada empat perkara, barangsiapa yang terjebak di dalamnya jadilah dia seorang munafik yang penuh (asli), dan barangsiapa yang terdapat pada dirinya salah satu daripadanya, maka dia memiliki sifat munafik sehingga dia segera meninggalkannya iaitu, jika berbicara dia berdusta, jika diamanahkan dia khianat, jika berjanji dia memungkiri janji dan jika berbantah dan bertengkar dia melampaui.”

Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya (1/89)
dan Muslim dalam sahihnya (1/78)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Manusia yang mengingkari janji ialah manusia yang tidak bermaruah, sebab berjanji itu sama dengan memberikan harapan kepada orang yang dijanji. Kalau tidak ditepati janji itu, betapa pecahnya hati orang yang dijanjikan itu, betapa kecewa perasaannya. Sebab itu jangan berjanji, kalau tidak boleh menepati janji! Dan sebab itu pulalah orang yang memungkiri janji termasuk orang munafik, atau yang bersifat dengan sifat orang munafik.

2. Dalam melaksanakan kontrak perjanjian sewajarnya dikaitkan dengan keikhlasan hati untuk menunaikannya kerana *nawaitu* yang benar sudah pasti menatijahkan perbuatan yang benar dan menjadi kebiasaan setiap kesilapan atau pencabulan kontrak bermula dengan ketidak ikhlasan hati atau adanya titik-titik hitam yang terpahat pada hati seterusnya menghasilkan sifat-sifat *mazmumah*.
3. Lihatlah bagaimana Nabi SWT dalam sejarah kehidupannya sentiasa berada pada pihak yang benar. Sama ada hatinya, tutur katanya, perjanjiannya, perbuatannya dan akhlaknya. Begitulah manusia terutama penjawat awam atau pemegang amanah hendaklah menepati janji yang diikat sama ada secara lisan ataupun bertulis. Perlaksanaan janji boleh menatijahkan thiqah dan kepercayaan mereka yang berinteraksi dan berhubung dengan penjawat awam atau pemegang amanah. Akhirnya masyarakat menjadi harmoni, perlaksanaan tugas akan mengikut waktunya dan kejayaan serta suasana yang tenang bersebuti dalam masyarakat.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jauhilah buruk sangka, buanglah angan-angan, khayalan-khayalan yang merosakkan dan fikiran-fikiran yang sakit.
- ❖ **Pujangga berkata:** Berbuat baiklah kepada sesama manusia, dan berbaktilah dengan membuat kebaikan kepada semua orang supaya kamu akan mendapat kebahagiaan dari menziarahi orang sakit, memberi sesuatu kepada orang yang memerlukan dan dari mengasih anak yatim.

Kisah Teladan

Imam al-Bukhari menyebut dalam sahihnya bahawa seseorang dari Bani Israel pernah meminta kepada seseorang dari Bani Israel yang lain untuk meminjamkan wangnya, sebanyak seribu dinar. Orang yang meminjamkan itu berkata: Adakah anda mempunyai saksi? Jawab si peminjam: Saya tidak mempunyai saksi selain Allah. Yang meminjamkan menegaskan: Cukuplah Allah sebagai saksi. Adakah anda mempunyai penjamin? Jawab si peminjam: Saya tidak mempunyai penjamin kecuali Allah. Orang yang meminjamkan wang itu menegaskan: Cukuplah Allah sebagai pelindung.

Wang seribu dinar pun dipinjamkan. Kemudian orang yang meminjamkan itu pergi selepas keduanya menyepakati waktu dan tempat penyerahan. Tempat tinggal mereka berdua dipisahkan oleh satu sungai. Pada waktu yang sudah ditetapkan tiba orang yang meminjam wang itu datang dengan membawa wang pinjamannya untuk dikembalikan nanti. Sambil menunggu sebuah perahu belayar, dia berdiri di tepi sungai. Tetapi hari itu kebetulan tidak ada satu perahu pun. Malam pun tiba dan untuk beberapa lama dia tinggal di tempat itu, namun belum juga ada orang yang menghantarnya ke tempat orang yang meminjamkan. Dengan penuh harapan akhirnya dia memohon pertolongan Allah: *“Ya Allah, dia meminta kepadaku saksi namun tidak aku perolehi saksi selain engkau. Dia juga meminta penjamin, namun tidak aku perolehi penjamin selain engkau. Ya Allah, sampaikan surat ini.”*

Dia mengambil sepotong kayu kemudian di belah dan dimasukkan seluruh wang dinar ke dalam kayu. Di dalamnya juga dia menyatakan surat, selepas itu kayu itu dirapatkan dan dicampakkan ke sungai. Dengan izin kebaikan dan bantuan Allah kayu itu bergerak menuju ke seberang.

Pada masa yang sama, si pemberi pinjaman juga sedang menunggu janji sahabatnya itu. Dia berdiri di tepi sungai menunggunya, namun tidak seorangpun yang datang. Katanya di dalam hati: Mengapa tidak mengambil kayu api untuk keluargaku di rumah.

Dia melihat kayu api terapung di tebing sungai dan dibawanya pulang. Setibanya di rumah, kayu itu dibelah dan ternyata dia mendapat wang dinar dan sepucuk surat dari kayu tersebut.

Kerana saksinya adalah Allah. Maka Allahpun menolong orang itu. Dan kerana yang melindungi adalah Allah, maka disampaikanlah pesanan itu. Firman Allah SWT:

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيَهُمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: *(Ingatlah) ketika dua puak dari kamu (pada hari peperangan Uhud itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah Penolong dan Pelindung mereka, dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakal.*

(Surah ali-Imran: 122)